

KENYATAAN MEDIA

SEDANIA meneruskan lonjakan tiga kali ganda pada 2QFYE23

Key highlights:

- Keuntungan selepas cukai meningkat tiga kali ganda kepada RM1.6 juta pada 2QFYE23
- Hasil pendapatan bertambah 34% daripada RM9 juta setahun yang lalu kepada RM12.2 juta pada 2QFYE23.
- Segmen FinTech menyaksikan pertumbuhan hasil segmen terbesar didorong oleh lonjakan trafik daripada platform Tawarruq dan Go Halal.

KUALA LUMPUR, 30 AUG 2023 - Pemangkin ESG SEDANIA Innovator Berhad ("SEDANIA" atau "Kumpulan") terus mencatat prestasi kewangan memberangsangkan pada suku kedua tahun kewangan 2023, membolehkan Kumpulan meraih prospek keuntungan untuk tahun kewangan seterusnya. Semua segmen perniagaan Kumpulan merekodkan prestasi lebih baik bagi suku kedua berakhir 30 Jun 2023 (2QFYE23).

Untung bersih meningkat kepada RM1.6 juta pada 2QFYE23 daripada RM530,000 setahun yang lalu, dan ini melebihi untung bersih yang dicatatkan setahun penuh pada tahun kewangan 2022.

Hasil pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 34% kepada RM12.2 juta pada 2QFYE23 berbanding RM9.1 juta setahun yang lalu berikutan sumbangan yang lebih tinggi dari segmen 'Sustainable Energy' dan 'FinTech'.

Pengasas dan Pengarah Urusan SEDANIA, Datuk Azrin Mohd Noor berkata, "Kami gembira merekodkan prestasi kewangan yang kukuh dalam suku kedua, membolehkan kami mencatatkan keuntungan untuk tiga tahun berturut-turut.

"Rekod prestasi perniagaan yang memberangsangkan sekali lagi ini memberikan kami potensi yang baik dalam rancangan perpindahan ke Pasaran Utama Bursa Malaysia dalam 2 tahun akan datang."

Beliau menambah bahawa segmen Sustainable Healthcare Kumpulan akan terus memacu perniagaannya ke hadapan dengan meneroka ke negara-negara baru yang berpenduduk tinggi dengan jenama Offspringnya, yang kini terdapat di 26 negara.

KENYATAAN MEDIA

Segmen Sustainable Healthcare mencatatkan hasil segmen RM7.6 juta pada 2QFYE23, disokong oleh permintaan lebih tinggi untuk produk penjagaan kesihatan mesra alam di pasaran antarabangsa utama di Asia dan Eropah.

Datuk Azrin juga berkongsi bahawa prospek pertumbuhan bagi segmen FinTech akan berkembang secara eksponen, dipercepatkan oleh perkongsian hibah digital dengan syarikat bersekutunya, Wasiyyah Shoppe Berhad (Wasiyyah Shoppe).

"Kerjasama dengan Wasiyyah Shoppe membolehkan kami meneroka pasaran pinjaman hartanah Islam bernilai kira-kira RM200 bilion. Dengan kadar pelaksanaan hibah di kalangan umat Islam di Malaysia pada tahap yang masih rendah iaitu 0.2%, potensi pertumbuhan perniagaan ini adalah besar," kata Datuk Azrin.

Segmen FinTech mencatatkan pertumbuhan untung kasar segmen terbesar, melonjak sebanyak 50.7% tahun demi tahun kepada RM1.8 juta pada 2QFYE23. Ini didorong oleh lonjakan trafik daripada platform Tawarruq dan Go Halalnya.

Segmen Sustainable Energy pula menunjukkan peningkatan hasil segmen yang ketara, dengan hasil pendapatan melonjak berlipat ganda kepada RM2.4 juta dalam 2QFYE23 berbanding RM0.1 juta setahun yang lalu.

Prestasi positif ini disebabkan oleh pengiktirafan yang lebih tinggi terhadap aset kontrak di bawah Kontrak Prestasi Tenaga dengan pelanggan utama.

Ketua Pegawai Eksekutif SEDANIA, Daniel Ruppert menambah, "Kami jangka akan terus mengiktiraf lebih banyak hasil bagi kerja yang dilakukan untuk pelanggan telekomunikasi kami pada suku tahunan berikutnya.

"Prestasi perniagaan Sustainable Energy di masa hadapan juga didorong oleh prospek projek tenaga boleh diperbaharui dan kecekapan tenaga kami, serta kontrak-kontrak baru yang mungkin diperolehi dalam tahun ini."

- Tamat -

KENYATAAN MEDIA

Mengenai Sedania Innovator Berhad

SEDANIA Innovator Berhad ialah syarikat pemegang pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan lestari. Sejak penyenaiaannya pada 2015 di Pasaran ACE, Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan memupuk kehidupan yang lebih inklusif dan lestari untuk masyarakat.

SEDANIA membolehkan kelestarian untuk organisasi dengan melabur, membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui. Penyelesaian tenaga hijau SEDANIA telah menjimatkan lebih 76 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan korporatnya.

Bagi pengguna, SEDANIA menawarkan produk bayi organik premium yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 170 produk premium dan lestari buatan Australia dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui beberapa kedai runcit di lebih 25 negara di seluruh dunia.

Menerusi anak syarikatnya SEDANIA As Salam Capital Sdn Bhd, SEDANIA turut memainkan peranan dalam mempercepatkan penggunaan perbankan digital setelah memperkasakan hampir 95 institusi kewangan dengan pelbagai penyelesaian Fintech termasuk Platform Komoditi Digital berasaskan API yang dipatenkan. Selain itu, ia memperkasakan rangkaian kewangan dalam kalangan masyarakat melalui Program Pembiayaan GoHalal dan platform hibah digital lengkap yang memudahkan perancangan harta pusaka Islam.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari.

Log masuk ke www.sedaniainnovator.com untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami.

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong
Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121620
Email: media@sedaniainnovator.com

